

"HUMAN RESOURCE CHARITY WEEK 2007"

Bertemakan "SEKELUMIT KASIH, SEGUNUNG HARAPAN" program Ekonomi Sumber Manusia (HE 11) baru-baru ini telah melancarkan kempen 'Minggu Kebajikan HR' pada bulan Ogos yang lalu. Projek tajaan pelajar-pelajar tahun akhir Ekonomi Sumber Manusia merupakan satu aktiviti yang mengetengahkan konsep muhibbah dan kerjasama di kalangan mahasiswa/i selain memberi pendedahan dan kesedaran di kalangan pelajar bahawa terdapat insan lain yang masih memerlukan bantuan. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang kempen berlangsung ialah mengadakan kutipan derma, mengumpul pakaian terpakai, menjual suratkhbar dan lain-lain lagi bagi mencari dana untuk diagihkan kepada penghuni rumah anak yatim di Kota Belud. Kempen tersebut telah berjaya mengumpulkan sejumlah dana untuk diagihkan kepada penghuni rumah anak yatim terpilih. Menurut Pengarah Program, Azizul Amran, program ini telah mendapat sokongan yang penuh dari pihak HEP, SPE, MPP dan pelajar-pelajar yang terlibat melibatkan sumbangan kewangan mahupun tenaga. Respon dari pihak Rumah Anak Yatim juga amat menggalakkan.

